

9 JAN 1996

Mahathir-Akhbar

MAHATHIR TEGUR AKHBAR PERBESARKAN LAPORAN NEGATIF

PELABUHAN KLANG, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur akhbar-akhbar yang memperbesarkan laporan sesuatu perkara yang negatif dan tidak memberikan gambaran baik mengenai Malaysia.

"Saya dapati bahawa kadang-kadang kita 'play up too much' (terlalu membesarkan)...sikit-sikit kesalahan yang berlaku di sini, kita yang lebih-lebih bagi publisiti," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan ketibaan pertama kali kapal kontena "APL China" ke Pelabuhan Klang di sini.

Beliau memberi contoh terbaru laporan muka depan sebuah akhbar mengenai seorang pemandu teksi yang kononnya telah melarikan barangan penumpangnya.

"Baru-baru ini saya baca (laporan) muka depan mengenai pemandu teksi yang kononnya melarikan barangan orang...muka depan!...sedangkan di negara lain barangkali pemandu teksinya curi lebih banyak lagi pun tidak dilapor," katanya.

Beliau berkata seolah-olah tanggungjawab surat khabar untuk memberitahu semua orang betapa tidak baiknya rakyat Malaysia. "Saya tak tahu kenapa...kenapa kita melakukan perkara ini kepada diri kita sendiri?" tanya beliau dengan nada kesal.

Dr Mahathir berkata sebelum ini ketika Lapangan Terbang Antarabangsa Subang menghadapi masalah mengenai radar, akhbar-akhbar telah memainkan isu itu "sehinggakan berhari-hari kita tak mendengar yang lain."

"Sebaliknya bila sebuah lapangan terbang yang dekat di sebuah negara lain mempunyai masalah yang sama, surat khabar kita tak melaporkannya sama sekali," katanya.

Teguran itu timbul ketika beliau ditanya mengenai hasrat beberapa negeri untuk mengadakan peraturan kajian kesan terhadap alam sekitar (EIA) sendiri bagi negeri masing-masing.

Perdana Menteri menjawab bahawa kerajaan mahukan maklumat yang lebih lanjut mengenai perkara itu dan berkata: "...pasal selalu baca dalam surat khabar tak betul."

Terus beliau mengulangi tegurannya semasa berucap pada majlis itu mengenai akhbar-akhbar ekonomi Malaysia yang menyiarkan maklumat mengenai pergerakan kapal-kapal di pelabuhan negara lain tetapi tidak untuk pelabuhan di negara ini.

Ketika ditanya apa yang akan dilakukan kerajaan untuk menjamin kejadian tanah runtuh tidak berlaku lagi, Perdana Menteri berkata tidak ada jaminan yang boleh diberikan.

Mengenai tanah runtuh di KM303 Lebu Raya Utara Selatan baru-baru ini, beliau berkata pihak berkenaan telah mengambil semua langkah berjaga-jaga termasuk memaku tanah di situ, yang merupakan satu teknik terbaru tetapi kejadian itu tetap berlaku juga walaupun tiada hujan.

"Bolehkah sesiapa memberitahu kita bagaimana untuk mengetahui bila tanah runtuh akan berlaku? Siapa yang tahu?"

"Yalah, kita cari (kaedah mengelakkannya) seberapa yang boleh, ambil semua langkah berjaga-jaga...dan selepas melaksanakan semua itu, apa yang berlaku adalah kehendak Tuhan," katanya. -- BERNAMA